

Jurnal Islam dan Masyarakat Kotemporari | JIMK

Journal of Islam and Contemporary Society

URL : journal.unisza.edu.my/jimk

SUMBANGAN TOK KENALI DALAM MEMPERKUKUHKAN ISLAM DI KELANTAN *THE CONTRIBUTIONS OF TOK KENALI IN STRENGTHENING ISLAM IN KELANTAN*

Mohamad Hadif Rasdei^{1*}, Engku Ibrahim Engku Wok Zin¹ & Noorsafuan Che Noh¹

¹Fakulti Pengajian Kontemporari Islam, Universiti Sultan Zainal Abidin, Kampus Gong Badak, 21300, Kuala Nerus, Terengganu, Malaysia.

ARTICLE INFO

*Author Email Address:
hadeefdee@gmail.com

Submitted Date
1 October 2024

Revised Date:
15 November 2024

Accepted Date:
1 December 2024

Kata Kunci:
Tok Kenali, Ulama, Tanah Melayu,
Islam, Pemikiran

Keywords:
Tok Kenali, Scholars, Tanah Melayu,
Islam, thinking

ABSTRAK

Tok Kenali merupakan antara ulama awal di Tanah Melayu khususnya di Kelantan, beliau telah mengorbankan seluruh masanya untuk berkhidmat memperkuuhkan agama Islam di Kelantan yang pada ketika itu di jajah oleh pihak British. Namun, sumbangan dan ketokohan beliau tidak terlalu menonjol seperti Sheikh Daud al-Fatani, Sheikh Ahmad Khatib al-Minangkabawi dan lain-lain lagi. Justeru itu, makalah ini bertujuan untuk mengkaji pelbagai dimensi sumbangan Tok Kenali dalam memajukan pendidikan Islam, dakwah, dan peranan beliau dalam membentuk masyarakat Islam yang kukuh di negeri Kelantan. Kajian berbentuk kualitatif ini merujuk kepada bahan-bahan perpustakaan demi melakukan analisis mencakupi deduktif dan historikal. Kajian mendapati bahawa melalui peranan beliau sebagai pendidik, pentadbir, dan tokoh dakwah, Tok Kenali berusaha memajukan institusi pengajian agama tradisional seperti sistem pondok, yang menjadi asas pendidikan Islam di Kelantan. Sumbangan beliau bukan sahaja dalam bidang pendidikan, tetapi juga dalam membangunkan masyarakat berteraskan nilai-nilai Islam. Sifat dan pemikiran yang dipamerkan oleh Tok Kenali ini telah menjadi sebab utama dalam membangunkan Islam di Kelantan pada ketika itu. Selain itu, situasi politik dan keagamaan di Kelantan pada abad ke-20 turut memberi pengaruh yang besar terhadap corak pemikiran Tok Kenali

ABSTRACT

Tok Kenali was one of the early Islamic scholars in the Malay Peninsula, particularly in Kelantan. He dedicated his entire life to strengthening Islam in Kelantan, which at that time was under British colonial rule. However, his contributions and prominence were not as widely recognized as figures like Sheikh Daud al-Fatani, Sheikh Ahmad Khatib al-Minangkabawi, and others. Therefore, this article aims to explore the various dimensions of Tok Kenali's contributions in advancing Islamic education, da'wah (Islamic preaching), and his role in shaping a strong Islamic society in Kelantan. This qualitative study refers to library resources to conduct an analysis encompassing deductive and historical methods. The study found that through his roles as an educator, administrator, and Islamic preacher, Tok Kenali worked to advance traditional religious educational institutions, such as the pondok system, which became the foundation of Islamic education in Kelantan. His contributions were not only in the field of education but also in developing a society based on Islamic values. Tok Kenali's character and thoughts were key factors in the development of Islam in Kelantan at that time. Additionally, the political and religious situation in Kelantan in the 20th century had a significant influence on Tok Kenali's thinking.

Cite as:

Mohamad Hadif Rasdei, Engku Ibrahim Engku Wok Zin & Noorsafuan Che Noh. 2024. Sumbangan Tok Kenali Dalam Memperkuuhkan Islam di Kelantan, *Jurnal Islam dan Masyarakat Kotemporari*, 25(3): 1-12

PENDAHULUAN

Tok Kenali merupakan seorang tokoh ulama kelahiran Kelantan yang masyhur dan telah memberi sumbangan yang besar terhadap perkembangan Islam di Kelantan pada abad ke 19 hingga awal abad ke 20. Kemasyhuran dan bakat kepimpinan beliau terserlah ketika beliau pulang ke Kelantan setelah belajar di Makkah pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad ke 4 iaitu pada tahun 1909 (Zuhdi Majid, 2012). Perkara ini dapat dilihat dan diteliti dalam beberapa tulisan seperti jurnal, kajian ilmiah, akhbar, majalah, dan lain-lain.

Sepanjang hayatnya, Tok Kenali terlibat dalam pelbagai bidang untuk menaikkan agama antaranya ialah melalui bidang pendidikan sebagai contoh beliau telah menaik taraf sistem pondok. Selain itu, dalam bidang penulisan pula beliau telah menjadi pengarang utama Majalah Pengasuh, penulis dalam Majalah al-Hikmah, dan menulis beberapa kitab Nahu dan Sorof seperti kitab berjudul *Madkhāl Kāmil fī ‘Ilmi al-Šarf* dan *Mul̄hiq li Miftāh al-Ta‘allum fī I‘rāb Matn al-Ājurrūmiyyah wa al-Amthilah ‘alā Tartībihā*. Seterusnya, dalam bidang politik pula beliau adalah antara orang yang telah menerajui penubuhan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Kelantan (MAIK) (Abdullah al-Qari 1988).

Dalam usaha beliau untuk memperkuatkan agama Islam di Kelantan beliau telah menghadapi pelbagai cabaran termasuklah kejatuhan sistem politik di Kelantan yang telah dimonopoli oleh British (Yacob et al., 2021). Setakat ini ramai lagi masyarakat yang tidak tahu tentang ketokohan Tok Kenali dalam memperkuatkan Islam di Kelantan. Oleh yang demikian, tulisan ini akan mengkaji secara khususnya usaha, peranan dan sumbangan beliau dalam memperkuatkan Islam di Kelantan.

Biodata Tok Kenali

Tok Kenali, atau nama sebenarnya Muhamad Yusof bin Ahmad, mendapat gelaran ‘Tok’ sebagai tanda hormat kepada seseorang yang tua atau berilmu. Sementara itu, “Kenali” merujuk kepada tempat kelahirannya di Kampung Kenali, beliau juga dikenali dengan nama timangannya, iaitu ‘Awang’ atau ‘Awang Kenali’ (Yacoob, H., & Ahmad, M. F. 2017). Beliau telah dilahirkan pada 1868M bersamaan 1287H di sebuah perkampungan Melayu Kelantan dalam Mukim Kubang Kerian yang terletak di daerah Kota Bharu bernama Kampung Kenali yang jaraknya lebih kurang tiga kilometer dari bandar Kota Bharu (Luqman Hakim et al., 2018).

Sepanjang hayat Tok Kenali sibuk dengan pelbagai tugas dan aktiviti. Beliau bukan sahaja terlibat dalam aktiviti keagamaan, tetapi juga menyumbang kepada urusan pentadbiran kerajaan Kelantan dengan memegang beberapa jawatan tertentu. Antara jawatan yang disandang oleh beliau ialah sebagai ketua pelajaran agama di bawah MAIK beliau telah diberi satu tugas untuk mengatur dan mentadbir perkembangan pelajaran agama Islam di negeri Kelantan (A.Yaacob et al., 2021). Seterusnya ialah, menjadi pengurus dan membincangkan tentang sesuatu masalah yang timbul dalam negeri sebagai anggota dewan ulama (Abdullah al-Qari, 1988). Selain itu, beliau juga aktif dalam gerakan menentang penjajah British di negeri Kelantan. Beliau turut serta dalam membantu para pejuang Kelantan menentang penjajah walaupun secara tidak langsung, sebagai contoh melalui penulisan beliau (Zuhdi Majid, 2012).

Dalam kesibukan itu beliau sempat menjadi pengarang beberapa buah kitab, antaranya ialah Majalah Pengasuh yang merupakan antara majalah tertua di Malaysia dan cetakan pertamanya masih lagi kekal hingga sekarang (Y. Yaacob, 2004). Selain itu, beliau ada juga menulis kitab Nahu dan Sorof yang berjudul *Madkhāl Kāmil fī ‘Ilmi al-Šarf* dan *Mul̄hiq li Miftāh al-Ta‘allum fī I‘rāb Matn al-Ājurrūmiyyah wa al-Amthilah ‘alā Tartībihā* yang kemudiannya telah disusun kembali oleh anak murid beliau (Abdullah al Qari, 1988).

Tarikh meninggal Tok Kenali ini pula dapat dipastikan dari catatan tarikh pada nisan makamnya yang terletak di perkuburan Lorong Kubur Tok Kenali Mukim Kenali Kubang Kerian. Iaitu pada pagi Ahad dua Syaaban 1352 Hijrah bersamaan 19 November 1993M, ketika beliau berumur 65 tahun. Menurut Lokman, (2006) penyebab kematianya kerana beliau menghidap beberapa penyakit yang berkaitan dengan usia dan keadaan kesihatannya merosot menjelang akhir hayatnya.

Pendidikan Tok Kenali

Tok Kenali telah mendapat pendidikan awal melalui datuk beliau sendiri yang bernama Tok Leh, seorang imam di Masjid Kampung Kenali. Di bawah bimbingan datuknya ini beliau telah menunjukkan kebolehan luar biasa, iaitu beliau telah berjaya menamatkan pengajian al-Quran seawal umur 8 tahun bahkan pada usia itu beliau telah mahir dalam menulis dan membaca (Ghazali, 2021).

Pada usia remaja pula beliau sanggup berjalan kaki sejauh 10 kilometer dari rumahnya hingga ke bandar Kota Bharu semata-mata untuk menuntut ilmu di Masjid al-Muhammadi. Menurut Ghazali (2021), ulama-ulama yang membuka halaqah di sekitar Masjid al-Muhammadi pada abad ke 19 merupakan guru utama Tok Kenali. Antaranya ialah Haji Ismail bin Haji Nik Mahmood, Tuan Guru Haji Taib (Tuan Padang), Tuan Guru Haji Ibrahim bin Yusoff Sungai Budor, Haji Ismail Qadhi atas Banggol, Haji Awang Alim (Haji Awang Gemok atas Banggol) dan Haji Nik Daud Kubang Pasu. Beliau telah belajar di Kota Bharu selama 8 tahun iaitu pada usia 10 tahun sehingga 18 tahun. Selepas itu Tok Kenali melanjutkan pelajarannya di Makkah pada tahun 1887 ketika beliau berusia 18 tahun. Beliau menetap di Makkah selama 22 tahun untuk mendalami ilmu agama dan belajar daripada ulama-ulama terkenal, sebelum pulang ke Kelantan pada tahun 1908 (Radzi Othman, 2007).

Guru Tok Kenali dalam kalangan masyarakat Melayu semasa di Makkah ialah Sheikh Muhammad Said al-Linggi (1861-1926) beliau ialah seorang mufti pertama yang dilantik di Negeri Sembilan. Beliau juga dikenali sebagai ulama tasawuf dari Negeri Sembilan, beliau banyak mempengaruhi Tok Kenali dalam aspek kerohanian (Mohd Akmel 2021). Beliau juga menuntut ilmu daripada beberapa ulama Arab, antaranya Sheikh Hasbullah dari Kaherah, Mesir, dalam bidang tafsir al-Quran, manakala dalam mazhab Fikah Maliki, beliau berguru dengan Sheikh Ubaid. Dalam mazhab Hanafi pula, beliau belajar dengan Muhammad Amin, Allamah Sheikh Muhammad Yusoff al-Khayat, serta Mufti Makkah.

Guru utama yang banyak mempengaruhi Tok Kenali dari sudut pendekatan ilmu dan politik ialah Sheikh Ahmad bin Mohamad Zain al-Fatani. Beliau juga pernah mendapat penghormatan daripada Syeikh Ahmad apabila beliau pernah dibawa menyertai rombongan melawat Mesir pada tahun 1904. Selain itu, beliau juga sering mendapatkan nasihat mengenai pentadbiran negeri daripada Sheikh Ahmad (Zuhdi Majid, 2012). Ini menunjukkan bahawa Tok Kenali merupakan murid yang paling diharapkan oleh Syeikh Ahmad untuk membawa misi dan visi perjuangan Islam di Tanah Melayu.

Setelah 22 tahun menuntut ilmu dan berbakti kepada gurunya Sheikh Ahmad, pada tahun 1908 Tok Kenali memutuskan untuk pulang ke Kelantan dengan tekad yang tinggi untuk meneruskan perjuangan islah serta membawa pembaharuan dalam masyarakat Kelantan. Beliau kembali ke Kelantan semasa pemerintahan Sultan Muhammad ke 4, yang ketika itu sedang berusaha membangunkan Kelantan selaras dengan gelaran Darul Naim. Keadaan ini memberikan peluang besar kepada Tok Kenali untuk memajukan Kelantan (Ghazali, 2021).

Keperibadian Tok Kenali

Tok Kenali bukan sahaja dikenali sebagai seorang ulama berpengaruh, tetapi juga memiliki keperibadian yang menjadi teladan kepada masyarakat. Antara sifat beliau yang menonjol ialah kecintaannya terhadap ilmu, hasil daripada didikan datuknya, Tok Leh, yang telah menanam semangat cinta akan ilmu sejak kecil. Minat mendalam Tok Kenali terhadap ilmu agama menjadikannya seorang yang alim pada usia muda, apabila beliau menguasai pelbagai bidang ilmu seawal usia 18 tahun. Pada usia tersebut, beliau melanjutkan pelajaran ke Mesir untuk mendalami ilmu agama dengan lebih mendalam. Selain itu, beliau juga menimba ilmu daripada ramai ulama, termasuk guru utamanya, Haji Muhammad bin Muhammad Zain al-Fatani (Shahrim & Ezani, 2022).

Walaupun Tok Kenali memiliki ilmu yang mendalam dan pengaruh yang besar dalam kalangan masyarakat, beliau menjalani kehidupan dengan penuh kezuhudan dan kesederhanaan, sehingga masyarakat Melayu ketika itu menggelarnya sebagai Wali Allah (Yacoob, 2021). Beliau lebih suka menguruskan kehidupannya sendiri tanpa membebankan orang lain. Hal ini kerana beliau tidak suka mengambil kesempatan ke atas orang lain. Beliau selalu membeli barang di pasar sendiri tanpa menyuruh anak muridnya walaupun sudah menjadi kebiasaannya di negeri Kelantan para pembesar ataupun ulama akan menyuruh anak muridnya untuk membeli belah di pasar dan ada juga yang menyerahkan sepenuhnya tugas ini kepada isteri. Beliau juga memasak makanannya sendiri setelah pulang membeli belah di pasar. Di pasar, para penjual sering memberi beliau makanan secara percuma dengan harapan mendapat berkat. Walaupun beliau sebenarnya tidak suka mengambil barang secara percuma, beliau tetap menghargai pemberian tersebut tanpa menyakiti hati pemberi. Namun, beliau akan menghadiahkan barang-barang yang diterima itu kepada mereka yang lebih memerlukan, seperti anak muridnya (Nik Aziz, 1980).

Tok Kenali juga memiliki sifat kepimpinan yang tinggi. Ini terbukti apabila beliau memperjuangkan reformasi Islam di Kelantan dengan memajukan budaya ilmu dalam kalangan masyarakat semasa penjajahan, sekaligus menyedarkan mereka tentang cara hidup Islam yang sebenar. Beliau turut berjaya memperkenalkan idea pentadbiran Islam yang autentik bagi memperbaiki sistem pemerintahan ketika itu. Tok Kenali dianggap sebagai tokoh pembaharuan di alam Melayu yang menjadikan Islam sebagai teras dalam gaya hidup umat Islam (Yacoob et al, 2021).

Menurut Luqman Hakim et al, (2018) kepimpinan Tok Kenali lebih terserlah apabila beliau terlibat secara aktif dalam pembangunan komuniti tempatan, beliau banyak menekankan pembangunan pendidikan bukan sahaja dalam bidang agama bahkan dalam bidang lain juga. Beliau juga banyak menggalakkan penubuhan sekolah sebagai tempat menuntut ilmu. Hal ini dapat dibuktikan dengan apabila pulangnya Tok Kenali di Makkah beliau telah menjadikan rumah ibunya sebagai tempat menuntut ilmu dan apabila pelajarnya semakin ramai beliau telah menubuhkan pondok untuk pelajarnya.

CORAK POLITIK DAN KEAGAMAAN KELANTAN PADA ZAMAN TOK KENALI

Politik Kelantan di zaman Tok Kenali

Merujuk kepada salasilah sultan-sultan Kelantan, Tok Kenali telah hidup di dalam tempoh pemerintahan enam orang sultan yang bersilih ganti. Beliau telah dilahirkan pada zaman pemerintahan Sultan Muhammad ke 2 (1837-1886) dan meninggal pada zaman pemerintahan Sultan Ismail iaitu Putra Sultan Muhammad ke 4 (1920-1944). Berdasarkan hal ini pemikiran

Tok Kenali banyak dipengaruhi oleh suasana politik yang berlaku sejak pemerintahan Sultan Muhammad ke 2 lagi (Zuhdi Majid, 2012).

Sistem politik atau bentuk pemerintahan yang diamalkan di negeri Kelantan ialah berpandukan sistem beraja. Raja bertindak sebagai kepala pemerintah dalam negeri dan tanah jajahannya. Dalam mentadbir sesbuah negeri, raja dibantu oleh 3 orang pembesar. Yang pertama ialah golongan kerabat diraja yang terdiri daripada mereka yang berdarah raja dan mempunyai hubungan dengan pemerintah. Golongan kedua pula ialah golongan bangsawan mereka juga diberi gelaran Syed, Nik dan Wan. Ketiga ialah golongan orang kebanyakan ataupun rakyat biasa mereka ialah orang yang memegang jawatan di dalam kerajaan negeri. Fungsi utama ketiga-tiga golongan ini ialah atas titah raja, mereka menjalankan tugas dan tanggungjawab menguruskan hal-hal berkaitan dengan pentadbiran negeri (Zetimimi Zakaria, 2009).

Situasi politik di Kelantan pada era pemerintahan Sultan Muhammad ke dua dan sultan-sultan selepasnya agak stabil dan aman berbanding tempoh-tempoh sebelumnya yang sentiasa berlaku peristiwa perang saudara kesan daripada perubahan sikap dan pemerintahan Siam Rama III terhadap pergolakan politik di negeri-negeri Melayu lain terutama sekali di Kelantan (Idris & Ahmad Zaki, 2012). Walaubagaimanapun pada awal abad ke 20 telah berlaku 3 peristiwa yang menyebabkan perubahan kepada sistem politik di Kelantan. Peristiwa pertama ialah penubuhan Majlis Mesyuarat Negeri Kelantan (Kelantan State Council) pada 1903, iaitu apabila seorang penasihat British di lantik sebagai penasihat dan pesuruhjaya Siam di Kelantan, lanjutan daripada peristiwa ini berlakulah peristiwa ke dua iaitu pembukaan jajahan baru di Kelantan iaitu Pasir Putih, Kota Bharu dan Hulu Kelantan pada tahun 1904 (Haslinda, 1999). Kemuncak kepada semua peristiwa ini ialah Perjanjian Bangkok 1909.

Menurut Zuhdi Majid (2012), Perjanjian Bangkok 1909 berlaku apabila Siam menyerahkan negeri Kedah, Perlis, Kelantan, dan Terengganu kepada British. Setelah itu, Kelantan secara sahnya berada di bawah naungan Inggeris yang menyebabkan sultan tiada hak lagi dalam urusan pentadbiran sebagaimana ketika berada di bawah naungan Siam. Sebaliknya sultan terpaksa mentadbir di bawah penasihat British yang berkuasa menasihati dalam segala hal kecuali di dalam hal agama dan berkaitan adat istiadat Melayu. Kesan perjanjian ini sangat besar ke atas Kelantan, bukan sahaja dalam segi politik akan tetapi dalam bidang keagamaan dan sistem sosial yang berubah secara drastik selepas berlakunya peralihan kuasa ini. Paling ketara ialah apabila sultan tidak lagi dapat menguatkuasa perundangan Islam ke atas pelaku-pelaku jenayah curi dan bunuh sebagaimana yang pernah dilaksanakan pada pemerintahan Sultan Mansur dan pendahulu-pendahulu baginda (Zuhdi Majid, 2012).

Perkara ini berlanjutan sehingga ke pulangan Haji Nik Mahmud Ismail (Dato Bentara Setia dan Dato Perdana Menteri Paduka Raja) Haji Awang Yusof Bin Ahmad (Tok Kenali) dan Haji Muhammad bin Khatib Haji Mohd Said (Dato Bentara Jaya) setelah meraih pendidikan tinggi di Mesir dan Hijaz. Mereka telah memainkan peranan penting dalam keagamaan dan sistem politik negeri Kelantan. Tiga orang ini juga digelar "Tiga Rangkayo" Negeri Kelantan (Zuhdi Majid, 2012).

Perubahan yang berlaku di Kelantan telah menimbulkan keimbangan kepada Tok Kenali dan Haji Nik Mahmud, yang telah mendapat bimbingan dan panduan dalam kepimpinan serta pentadbiran negeri daripada guru mereka, Sheikh Wan Ahmad Al Fatani. Keadaan ini bertambah genting apabila "Perang Tok Janggut" tercusus pada tahun 1915, yang merupakan penentangan awal terhadap sistem cukai yang di bawa oleh pihak British di Kelantan. Perang ini berlaku akibat konflik antara seorang anggota polis British bernama Che Wan Sulaiman, yang akhirnya mengakibatkan kematian polis tersebut. Pada waktu yang sama, sekitar penghujung 1914, Haji Muhammad Bin Khatib Haji Said kembali ke tanah air (Zuhdi Majid, 2012).

Selepas itu terbentuk satu diskusi yang membincangkan tentang pentadbiran negeri Kelantan. Perkara-perkara mengenai pentadbiran negeri Kelantan diwakili oleh Dato Bentara setia Haji Mahmud dan perkara-perkara keagamaan diwakili oleh Tok Kenali. Idea pembaharuan daripada Haji Muhammad juga banyak membantu untuk memantapkan pentadbiran negeri Kelantan. Sehinggalah terbentuk satu reformasi dalam bidang pentadbiran Islam dan Adat Istiadat Melayu oleh sebab hanya pentadbiran Islam dan Adat Istiadat Melayu sahaja yang tidak termasuk di dalam cakupan pentadbiran British. Oleh kerana sistem pengendalian syarak yang makin terhakis dan digantikan dengan sistem perundangan Inggeris maka hasil daripada perbincangan ‘Tiga Rangkayo’ ini tertubuhlah MAIK bagi menjadi pusat pentadbiran Islam yang moden dan sistematik sekaligus menjadi pengimbang kepada sistem kehakiman dan perundangan yang terpengaruh dengan British (Zuhdi Majid, 2012).

Keagamaan di Kelantan pada zaman Tok Kenali

Pada suku akhir abad ke 18 iaitu pada zaman pemerintahan Long Yunus kehidupan bercorakkan keagamaan telah pun wujud. Hal ini telah dibuktikan beliau telah mengahwinkan puterinya dengan seorang ulama terkemuka yang berasal dari Cina iaitu Sheikh Abdul Halim. Tokoh ini juga telah menjadi penasihat dan guru agama kepada Long Yunus. beliau ialah tokoh ulama pertama dikalangan pembesar negeri Kelantan (Zuhdi Majid, 2012).

Keagamaan di Kelantan pada era Tok Kenali bermula pada awal abad ke-19 semasa pemerintahan Sultan Muhammad ke-2. Baginda telah berjaya menaikkan sektor pembangunan Islam secara meluas di Kelantan. Hal ini telah menyebabkan pemerintahan dan struktur pentadbiran Islam di negeri Kelantan dapat dilaksanakan secara lebih teratur. Penasihat agama pada zaman pemerintahan baginda juga ialah anak kepada Sheikh Abdul Halim iaitu Syeikh Haji Yaakub. Beliau seorang yang aktif dalam menasihati pemerintah ke arah menggariskan pembaharuan berkaitan aplikasi pemerintahan agama. Antara pembaharuan yang diperkenalkan oleh beliau ialah memperkenalkan jawatan mufti dengan tanggungjawab sebagai seorang hakim dan menjadikan undang-undang syariah sebagai satu teras dalam perundangan untuk memastikan penghayatan Islam dalam kehidupan masyarakat (Idris & Ahmad Zaki, 2012).

Menjelang akhir abad ke-19 hingga dekad pertama abad ke-20, semakin ramai ulama muncul, termasuk dua ulama terkenal hingga kini, iaitu Tuan Abal dan Tok Ali Kuntan. Mereka banyak menulis kitab dalam pelbagai bidang seperti usuluddin, fiqh, tasawuf, serta beberapa amalan wirid yang diamalkan oleh umat Islam. Pada abad ke-19 juga, institusi pondok yang terkenal menjadi pusat pembelajaran, dengan kebanyakan pondok berpusat di Masjid Besar Kota Bharu di pondok inilah para cendekiawan Melayu Kelantan menimba ilmu agama sebelum melanjutkan pelajaran ke Mesir. Antara penuntutnya ialah Tok Kenali, Haji Nik Mahmud Ismail dan Haji Muhammad bin Khatib Haji Mohd Said yang memainkan peranan penting dalam penubuhan MAIK (Abdul Razak, 1998).

Institusi pondok pada peringkat ini mula berkembang pesat. Pada peringkat permulaan ini juga pengajian kitab hanya tertumpu kepada kitab jawi meliputi perkara-perkara asas Islam seperti tauhid, fiqh, akhlak, Hadis dan al-Quran. Perkembangan pengajian pondok ini juga dilihat berkembang dengan lebih pesat apabila pulangnya Tok Kenali dari Makkah. Perkara ini pula diikuti dengan penubuhan Pondok Bunut Payong di kenali juga dengan Madrasah Ahmadiyah Pondok Lati, Pondok Lubok Tapah, dan sebagainya. Penuntut ilmu yang belajar di pondok ini juga ialah dari seluruh tanah air termasuklah Kemboja dan Patani (Rahim Abdullah, 1983).

Inilah sekilas pandang wajah dan senario keagamaan Islam di Kelantan yang berakhir pada hujung abad ke 19. Selain kebangkitan para ulama dengan institusi pondok dan halakah pengajian mereka kehidupan keagamaan dan kemunculan pemikiran baharu di Kelantan

menjelang abad ke 20 juga dicetuskan oleh faktor kestabilan politik tradisional dan kewujudan sistem sosial Kelantan yang telah mantap dan kukuh sejak pemerintahan Sultan Muhammad ke 2 (1886) serta beberapa pembaharuan yang diperkenalkan di dalam sistem pentadbiran negeri dan juga bidang pentadbiran dan pengendalian agama.

SUMBANGAN DAN PERANAN TOK KENALI DALAM MEMPERKUKUHKAN ISLAM DI KELANTAN

Penglibatan Tok Kenali dalam Penubuhan MAIK

Penubuhan Majlis Agama Islam Kelantan adalah satu langkah yang bersejarah dalam usaha memperkuuhkan agama Islam di Kelantan. Dengan sokongan ulama seperti Tok Kenali dan Sultan Muhammad 4, MAIK berjaya memainkan peranan penting dalam menguruskan hal ehwal agama Islam dan terus menjadi institusi penting dalam menjaga kepentingan umat Islam di Kelantan (Zuhdi Majid, 2012).

Idea penubuhan Majlis Agama Islam Dan Adat Istiadat Melayu Kelantan ini telah dicetuskan oleh Haji Muhammad bin Khatib setibanya beliau di Kelantan pada akhir tahun 1914. Walaupun Dato` Haji Nik Mahmud dan Tok Kenali terlebih dahulu pulang ke Kelantan setelah belajar di timur tengah dan sering berbincang tentang hal ehwal pentadbiran dan agama Islam namun, Cadangan ke arah penubuhan MAIK belum timbul ketika itu. Selepas kepulangan Haji Muhammad Khatib barulah usul atau cadangan ini mula tercetus dan kemudiannya mengalami proses kematangan sebelum diangkat ke Majlis Mesyuarat Negeri (State Council) Rancangan penubuhan MAIK ini kemudiannya telah dibentangkan kepada Sultan Muhammad ke 4 (Zuhdi Majid, 2012).

Tok Kenali, sebagai seorang ulama dan tokoh yang dihormati, memberi nasihat serta panduan dalam pembentukan MAIK. Beliau bukan sahaja dihormati oleh masyarakat tempatan tetapi juga oleh istana Kelantan, dan pandangan beliau sering dirujuk dalam hal berkaitan agama. Antara sumbangan Tok Kenali ialah beliau turut menjadi penggerusi dan membincangkan pelbagai isu yang timbul di negeri Kelantan sebagai ahli dewan ulama. Beliau bersikap terbuka terhadap sebarang cadangan yang bertujuan memajukan Islam di negeri itu. Menurut anaknya, Sheikh Ahmad Salih, beliau juga terlibat dalam memberikan panduan berkaitan pengurusan zakat dan wakaf di bawah MAIK. Beliau menekankan kepentingan pengagihan zakat yang adil untuk membantu golongan miskin dan memperbaiki taraf hidup umat Islam di Kelantan. Sumbangan beliau dalam aspek ini memastikan zakat dan wakaf dimanfaatkan sepenuhnya oleh masyarakat (Abdullah al-Qari, 1988).

Seterusnya beliau telah memberi sumbangan besar kepada negeri Kelantan. Selepas dilantik sebagai ketua pelajaran agama di bawah MAIK, beliau bertanggungjawab mengurus dan mentadbir perkembangan pendidikan agama Islam di negeri tersebut (Yaacob et al, 2021). Antara usaha beliau dalam memajukan pendidikan di Kelantan ialah menyusun semula bahan pengajian Bahasa Arab seperti Nahu dan Sorof (Abdullah al-Qari, 1998). Beliau juga turut memperkenalkan sistem sukatan dalam pendidikan dengan memfokuskan pengajaran kepada bidang-bidang tertentu. Sistem ini merangkumi semua cabang ilmu agama seperti Tauhid, Bahasa Arab, Tafsir al-Quran, Nahu, Sorof, dan Tasawuf (Yaacob et al., 2021). Beliau juga membahagikan pembelajaran kepada tiga peringkat.

Pada peringkat pertama, pelajar diperkenalkan kepada kitab asas Bahasa Arab seperti Mutammimah Kaukab al-Duriah dan Matan Jurummiah, dengan Nahu sebagai keutamaan kerana beliau berpendapat Nahu adalah asas untuk memahami agama. Peringkat kedua melibatkan pelajar yang telah menguasai Bahasa Arab, mereka akan mempelajari kitab-kitab Arab dan Jawi klasik secara lebih mendalam. Pelajar juga digalakkan untuk bermuraja'ah

setelah sesi pembelajaran selesai (Ghazali, 2020). Pada peringkat ketiga, pelajar diperkenalkan kepada kitab-kitab lanjutan seperti Sharah Ibnu 'Uqail, Matan al-Fiyyah, serta tafsiran daripada al-Usymuni dan al-Labib oleh Ibn Hisham (Abdullah al-Qari, 1988). Pada tahap ini, Tok Kenali menggalakkan pelajar melanjutkan pengajian ke Timur Tengah untuk memperluas ilmu, kerana menurutnya, semakin ramai guru yang seseorang temui, semakin tinggi ilmu yang diperolehi (Ghazali, 2020).

Walaupun Tok Kenali bukan individu yang secara langsung menubuhan MAIK, peranan beliau dalam proses penubuhannya sangat signifikan. Sebagai ulama terkemuka, pandangan dan nasihat beliau membantu memastikan MAIK ditubuhkan dengan asas yang kukuh dan mampu menguruskan hal ehwal agama dengan baik. Penglibatan Tok Kenali dalam pentadbiran agama melalui MAIK memastikan Kelantan terus berkembang sebagai pusat pengajian Islam yang dihormati dan dikenali sebagai "Serambi Mekah".

Pengasas Institusi Pondok Tok Kenali

Menurut Rosnani (2010), Tok Kenali telah berjaya menstabilkan sistem pengajian pondok selepas dua tahun kembali ke Kelantan setelah berada di Makkah. Pondok tersebut dikenali sebagai Pondok Tok Kenali. Disebabkan kekurangan modal untuk mendirikan pondok, beliau menggunakan rumah ibunya sebagai tempat mengajar. Alat-alat mengajar ketika itu juga sederhana, di mana papan digunakan sebagai tempat menulis, manakala arang dijadikan alat penulisan. Beliau mengajar pelbagai subjek termasuk Tajwid, al-Quran, Tasawuf, Nahu, dan Sorof di pondok beliau.

Tok Kenali memberikan komitmen sepenuhnya dalam penubuhan institusi pondok kerana beliau meyakini bahawa ilmu merupakan jalan utama untuk membebaskan manusia daripada kejahilan. Sistem pondok yang diperkenalkan oleh beliau sebenarnya adalah suatu inovasi yang berasaskan modul pengajaran tradisional Islam, berpandukan sistem pendidikan lama, iaitu Katatib (Sekolah Al-Quran). Pada waktu itu, sistem ini memainkan peranan penting dalam menyebarkan dakwah Islam. Walaupun sistem ini masih wujud hingga kini, keberadaannya semakin hilang kerana kemunculan sekolah agama moden yang semakin berkembang (Yacoob et al, 2021).

Pada tahun 1915, seorang sahabat Tok Kenali bernama Nik Mahmud, yang merupakan seorang pembesar di Negeri Kelantan, mencadangkan agar beliau mengajar di Masjid al-Muhammadi di Kota Bharu. Tok Kenali mengajar di sana selama empat tahun sebelum pulang ke kampung untuk membina pondok. Pembukaan pondok di Kampung Paya, yang kini menjadi tapak Fakulti Kedoktoran Universiti Sains Malaysia (USM), dan di Kampung Belukar di Mukim Kenali menunjukkan bahawa kehadiran Tok Kenali telah memberi dorongan besar kepada kemajuan institusi pondok di Kelantan (Abdullah al-Qari, 1998).

Menurut Abdullah al-Qari (1998), salah satu pembaharuan yang diperkenalkan oleh Tok Kenali ialah mewujudkan sistem pengajian berhalaqah, di mana seorang ketua dilantik untuk membantu pelajar memahami kitab-kitab tertentu. Seterusnya Tok Kenali juga telah mewujudkan sistem menghafal di sekolah pondok dalam pembelajaran agama. Sistem ini juga diwujudkan oleh beliau bukan sahaja di dalam subjek Bahasa Arab seperti Nahu, Sorof dan balaghah bahkan beliau juga mengaplikasikan sistem ini di dalam subjek agama seperti Fiqah, Tasawuf dan Tauhid ini kerana menurut beliau ilmu itu di dalam dada bukan sahaja di dalam penulisan. Semua ilmu yang ada di dalam dada akan secara automatik boleh digunakan apabila diperlukan tanpa membuka kitab (Abdullah al-Qari, 1998).

Melahirkan Para Ulama

Hasil daripada menaik taraf sistem pondok ini beliau berjaya melahirkan beberapa orang ulama yang menyambung legasi dakwah beliau. Kumpulan ulama ini telah menjadi pemimpin dan mempunyai ketokohan dan kepakaran di dalam pelbagai sudut ilmu seperti Dato Mufti Haji Ismail Bin Yusof beliau ialah salah seorang murid Tok Kenali yang mempunyai daya ingatan yang tinggi beliau telah menjadi Mufti di negeri Kelantan pada tahun 1987 selama lapan tahun. Sebelum beliau menjadi mufti beliau telah menyandang jawatan sebagai timbalan mufti pada tahun 1979 (Abdullah al-Qari, 1988).

Seterusnya ialah Tuan Haji Hasan Bin Abu Bakar iaitu salah seorang murid pertama Tok Kenali yang berasal dari Melaka. Beliau juga ialah seorang mufti di negeri Melaka pada tahun 1960 dan telah memegang jawatan mufti selama 19 tahun. Sebelum menjadi mufti beliau pernah membuka sebuah pondok di Melaka yang bertempat di Sungai Baru Melaka. Sekarang pondok beliau telah di ambil alih oleh anakandanya iaitu ustaz Haji Abdul Rahman dan pondok beliau telah diberi nama Sekolah Arab Daar al-Falah (Abdullah al-Qari, 1988).

Ada juga diantara murid Tok Kenali yang menjadi pengarang dan penulis kitab-kitab antaranya ialah Dr Sheikh Muhammad Idris al-Marbawiy ialah seorang tokoh ulama dan pujangga Islam yang terkenal. Beliau telah dilahirkan pada 10 Mei 1896 di Makkah. Beliau telah menjadi anak murid kepada Tok Kenali selama 4 tahun di pondok Belukar dan di Masjid al- Muhammadi Kota Bharu. Sewaktu beliau berada di Kelantan beliau sempat menjadi salah seorang penulis di dalam majalah Pengasuh (Abdullah al-Qari, 1988).

Tuan Guru Haji Yaakub bin Ismail merupakan salah seorang murid Tok Kenali yang terkenal sebagai ulama dalam bidang tauhid. Beliau juga dikenali sebagai pengarang kitab *Nuur Adz-Dzalam*, sebuah karya penting dalam ilmu tauhid. Haji Yaakub menuntut ilmu di bawah bimbingan Tok Kenali selama 15 tahun sebelum melanjutkan pengajian ke Mekah. Sekembalinya ke Kelantan, beliau memanfaatkan ilmunya dengan mengajar di Masjid Muhammadi, sebuah institusi penting dalam penyebaran ilmu agama di negeri tersebut. Pada tahun 1931, beliau mengasaskan Madrasah Ahmadiah di Bunut Payong, yang kemudiannya menjadi salah satu pusat pendidikan pondok terkemuka di Kelantan. Madrasah ini melahirkan ramai ulama dan cendekiawan yang memainkan peranan besar dalam perkembangan pendidikan Islam di rantau ini. Selain mengajar, Tuan Guru Haji Yaakub turut aktif dalam memajukan institusi agama melalui penglibatannya dalam Majlis Agama Islam Kelantan (MAIK). Beliau dikenang sebagai seorang ulama yang berdedikasi, terkenal dengan disiplin yang tinggi dalam mengamalkan dan menyampaikan ilmu. Beliau meninggal dunia pada 15 Ogos 1961 bersamaan 4 Rabiulawal 1381 Hijrah. Sumbangannya dalam bidang pendidikan dan agama menjadikan beliau tokoh yang dihormati dalam sejarah perkembangan Islam di Kelantan (Abdullah al-Qari, 1988).

Kesungguhan Tok Kenali dalam mengembangkan institusi pondok membuktikan bahawa beliau adalah seorang ulama yang sangat berdedikasi, cekal, dan tawaduk dalam usaha membina keagamaan dalam masyarakat. Tidak hairanlah apabila beliau telah menjadi ulama sufi yang mempunyai ketinggian ilmu dan rendah diri. Sumbangan beliau merupakan salah satu faktor utama yang menjadikan Kelantan sebuah negeri yang maju dalam bidang agama.

Sumbangan dalam Bidang Penulisan

Bidang penulisan ialah perkara yang tidak boleh dipisahkan dengan Tok Kenali. Malah bidang ini ialah minatnya ketika masa lapang. Beliau berminat dengan bidang ini kerana beliau ialah seorang yang cintakan ilmu pengetahuan dan ingin ilmu itu selalu kekal dan boleh di sampaikan kepada generasi yang lain. Beliau juga menggunakan kaedah penulisan untuk menyampaikan dakwah kepada masyarakat, banyak buku-buku agama yang telah ditulis oleh beliau bertujuan untuk menerapkan nilai keagamaan kepada masyarakat Kelantan pada zaman dahulu. Antara

hasil penulisan beliau yang masyhur termasuklah Majalah Pengasuh dan al-Hikmah. Majalah-majalah ini berfungsi sebagai medium utama bagi para pembesar istana dan cendekiawan dalam menyebarkan ilmu agama serta menyemarakkan semangat nasionalisme dalam kalangan masyarakat ketika itu. Majalah Pengasuh, yang diterbitkan oleh MAIK pada tahun 1918, merupakan majalah tertua di Malaysia. Hingga kini, majalah ini terus menjadi sumber rujukan bagi penuntut ilmu yang ingin mendalami serta memahami penulisan Tok Kenali. Melalui karya-karyanya, beliau banyak meneguhkan identiti masyarakat Islam melalui nasihat-nasihat keagamaan (Shahrim & Ezani, 2022).

Seterusnya melalui bidang penulisan juga Tok Kenali banyak menitik beratkan dakwah kepada masyarakat mengenai nilai-nilai Islam di dalam setiap aspek kehidupan termasuklah urusan politik dalam membina jati diri bangsa berteraskan Islam. Sebagai contoh penulisan beliau di dalam Majalah Pengasuh yang bertajuk ‘kemanusiaan’. Melalui tajuk ini beliau telah menyeru masyarakat untuk bekerjasama dalam sesuatu pekerjaan dan menanamkan sikap tolak ansur dalam diri manusia memandangkan pada ketika itu masyarakat Melayu selalu bergaduh sesama sendiri dan kurang berdisiplin dalam melakukan pekerjaan (Abdul Hamid, 2013).

Menurut Abdullah al-Qari (1988), beliau juga telah menyusun bahan-bahan ilmu Nahu dan Saraf untuk tujuan pembelajaran. Antara kitab Nahu dan Saraf yang dikarang oleh beliau termasuklah *Madkhāl Kāmil fī 'Ilmi al-Šarf*, yang diselesaikan pada 15 Rabiulawal 1351 H. Kitab ini mengandungi tashih yang diajarkan oleh guru beliau, Sheikh Ahmad al-Fatani. Seterusnya, terdapat juga kitab bertajuk *Mul̄hiq li Miftāh al-Ta'allum fī I'rāb Matn al-Ājurru'miyah wa al-Amthalah 'alā Tartibihā*, yang merupakan huraian kepada Matn al-Jurumiyyah. Penulisan beliau kemudiannya telah disusun oleh Tuan Guru Haji Salaahudin, Sheikh Uthman Jalaludin, dan Sheikh Idris al-Marbawi menjadi beberapa buah buku.

Sumbangan kepada Masyarakat

Menurut Shahrim, A. dan Ezani, A. (2022), Tok Kenali merupakan tokoh yang gigih menentang pengaruh ideologi penjajah dengan sokongan padu masyarakat tempatan. Beliau tidak menggunakan kekerasan atau senjata dalam perjuangannya, sebaliknya memanfaatkan kepakarannya dalam bidang dakwah dan penyebaran ilmu untuk menangkis pengaruh ideologi Barat yang mula meresap ke Tanah Melayu pada waktu itu. Usaha beliau turut tertumpu kepada memperjuangkan hak agama Islam agar tidak ditindas atau dikawal oleh penjajah. Matlamat utama perjuangan ini adalah untuk memelihara keutuhan agama Islam serta memastikan ia bebas daripada sebarang campur tangan politik dalam usaha mencapai kemerdekaan.

Tok Kenali telah menyuntik kesedaran dalam kalangan masyarakat melalui ucapan dan nasihatnya yang menyentuh jiwa. Antara pesanan beliau adalah bahawa manusia berpotensi mencapai martabat yang lebih tinggi daripada malaikat sekiranya berjaya melaksanakan amanah Allah dengan penuh tanggungjawab serta menjauhi segala larangan-Nya. Namun, beliau turut menegaskan bahawa manusia boleh jatuh ke tahap lebih hina daripada haiwan jika kehidupan yang dianugerahkan dengan akal ini disia-siakan dan gagal berfungsi sebagai khalifah di muka bumi. Beliau juga menekankan bahawa manusia, sebagai makhluk sosial, memerlukan kebebasan untuk menyuarakan pendapat, meluahkan perasaan, serta menuntut ilmu. Baginya, kebebasan ini penting untuk membolehkan individu memajukan diri dan keluarga, sekaligus berperanan aktif dalam pembangunan masyarakat dan peradaban (Yaacob et al, 2021).

Menurut Faisal (2012), Tok Kenali turut memberikan teguran terhadap sikap segelintir masyarakat Melayu yang kurang memahami hubungan antara jati diri bangsa dan agama Islam dalam kehidupan seharian. Teguran ini disampaikan melalui majalah Pengasuh, di mana beliau membandingkan kedudukan bangsa Melayu yang ketinggalan berbanding bangsa lain. beliau

menegaskan bahawa bangsa lain juga manusia seperti kita, tetapi perbezaannya terletak pada keupayaan mereka untuk memiliki cita-cita tinggi serta menguasai ilmu, baik dalam aspek dunia maupun agama. Keutamaan kepada ilmu dan nilai-nilai agama inilah yang menjadikan mereka lebih maju, sedangkan masyarakat Melayu pada waktu itu ketinggalan dalam pelbagai aspek kehidupan. Oleh itu, beliau sering menekankan kepentingan penerapan nilai-nilai Islam dalam setiap aspek kehidupan sebagai asas pembentukan jati diri bangsa. Banyak teguran dan nasihat beliau bertujuan membangunkan kesedaran serta memperkuuhkan identiti masyarakat Melayu berlandaskan prinsip Islam.

Beliau juga sering menekankan kepentingan masyarakat Islam di Tanah Melayu untuk menghormati para ulama yang berperanan dalam mengajarkan dan menyebarkan ajaran Islam. Menurut beliau, penghormatan ini harus diterjemahkan melalui ketataan serta pengamalan ajaran yang disampaikan oleh golongan ulama. Nasihat ini diberikan oleh Tok Kenali terhadap segelintir masyarakat yang mempertikaikan usaha ulama dalam membina semula tamadun Islam di tanah air. Golongan ini beranggapan bahawa ajaran yang disampaikan oleh para ulama adalah bersifat ketinggalan zaman atau lapuk. Namun, Tok Kenali menegaskan bahawa ajaran para ulama merupakan asas penting dalam membimbing masyarakat menuju kemajuan sejati, yang berlandaskan nilai-nilai agama (Faisal, 2012).

Tok Kenali merupakan tokoh yang memainkan peranan penting dalam menentang penjajahan melalui pendekatan rohani. Beliau memanfaatkan dakwah, pendidikan, dan nasihat untuk menyedarkan masyarakat tentang pentingnya nilai-nilai Islam, ilmu pengetahuan, dan jati diri bangsa dalam menghadapi cabaran penjajahan. Tok Kenali turut memberi teguran terhadap sikap masyarakat yang kurang menghargai ulama dan tidak memahami hubungan erat antara agama dan kemajuan. Beliau percaya bahawa penerapan nilai Islam yang kukuh adalah asas penting untuk membangunkan tamadun serta memperkuuhkan identiti bangsa Melayu.

KESIMPULAN

Kesimpulannya, sumbangan Tok Kenali dalam memperkuuhkan Islam di Kelantan adalah amat signifikan dan berkesan, terutamanya dalam membangunkan pendidikan agama dan memperluas pemahaman Islam dalam kalangan masyarakat. Tok Kenali bukan sahaja berjaya membina asas pendidikan melalui sistem pondok yang menjadi pusat pembelajaran agama, tetapi juga melahirkan generasi ulama dan pendakwah yang berwibawa. Peranan beliau sebagai pendidik, pentadbir, dan tokoh dakwah memberikan impak yang besar dalam membentuk masyarakat berteraskan nilai-nilai Islam, sekaligus meletakkan Kelantan sebagai pusat keilmuan Islam di Nusantara. Pemikiran beliau yang progresif, serta kemampuannya menghubungkan Kelantan dengan dunia Islam antarabangsa, membuktikan kebijaksanaan dan keupayaan beliau dalam memperkuuhkan Islam di negeri tersebut. Sumbangan Tok Kenali bukan sahaja penting pada zamannya, tetapi turut memberi kesan jangka panjang kepada perkembangan Islam di Kelantan, yang masih dirasai hingga ke hari ini.

RUJUKAN

- Abdul Hamid, F. @ A. F. (2013). Seruan kebangkitan Islam dalam Majalah Pengasuh oleh Tok Kenali dan Za'ba. *Jurnal Usuluddin*, 37, 57–82.
- Awang, I., & Berahim, A. Z. (2012). *Tok Kenali: Tokoh ulama' & pemikir Nusantara*. Yayasan Pembangunan Intelek Kelantan (YPIK).
- Faisal. (2021). Majalah Pengasuh selepas Merdeka (1964-1996): Kajian terhadap pendekatan dan tema (Tesis PhD, Jabatan Sejarah dan Tamadun Islam, Akademi Pengajian Islam, Universiti Malaya).

- Hashim, R. (2010). *Pendeta Za'ba: Education for the upliftment of the Malays. In Reclaiming the conversation: Islamic intellectual tradition in the Malay archipelago*: The Other Press.
- Ismail, G. B. (2020). Tok Kenali dalam pembangunan pendidikan Islam di Kelantan 1908-1933 (Tesis PhD, Pusat Pengajian Bahasa dan Insaniah, Universiti Malaysia Kelantan).
- Mohd. Radzi Othman. (2007). *Tok Kenali: Pejuang, pendakwah dan pendeta Melayu*. Utusan Publications
- Al-Qari, A. (1988). *Detik-detik Sejarah Tok Kenali*. Pustaka ASA.
- R. A. (1983). Pelajaran pondok di Kelantan. In M. Khoo Khay Kim (Ed.), Beberapa aspek warisan Kelantan (pp. 1-9). Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.
- Shahrim, A., & Ezani, A. (2022). Dakwah dan penyebaran ilmu Tok Kenali di Nusantara. Dalam Seminar & Wahdah Al-Ummah 2022: Interaksi Dakwah di Malaysia Merentas Zaman). Fakulti Pengajian Islam, UKM
- Yaacob, A., Yaacob, S., Khuzairy, A., Rahman, A., & Yaacob, H. (2021). In Tok Kenali: pengembangan modal insan-satu tinjauan terhadap generasi pra-kemerdekaan. *International Journal of Modern Trends*, 4(18), 112–139.
- Yaacob, Y. (2004). Cabaran majalah Pengasuh sebagai medium dakwah. *Sunway College Journal*, 1, 51–64.
- Yacoob, H., & Ahmad, M. F. (2017). Tok Kenali (Muhammad Yusof). *Journal of Islamic Civilization*, 264.
- Zuhdi Majid. (2012). Puri Kencana kecemerlangan satu abad Majlis Agama Islam dan Adat. Majlis Agama Islam dan Adat Istiadat Melayu Kelantan.
- Zetimi Zakaria. (2010). Warisan Kelantan XXVIII. Perbadanan Muzium Negeri Kelantan.